

SYARAT-SYARAT KELULUSAN

**(KELULUSAN PELAN PINDAAN DAN TAMBAHAN BAGI RUMAH KEDIAMAN
KOS RENDAH DAN SEDERHANA RENDAH)**

NO. FAIL: MBK/R/B:KSM/

1. Mematuhi ukuran-ukuran serta spesifikasi sepertimana yang tercatat di dalam pelan pemohon. Sebarang pindaan / tambahan kepada kelulusan asal kehendak mendapat kelulusan semula terlebih dahulu. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa semua kerja-kerja pembinaan bangunan tidak melebihi garis anjakan bangunan dan / atau sempadan lot serta mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Pahang) 1996, Peraturan, Garis Panduan dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.
 - 1.1 Pemohon (Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar, Arkitek atau Jurutera) adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan, kestabilan dan kekukuhan struktur pembinaan.
 - 1.2 Apa jua permasalahan yang timbul daripada pembinaan ini adalah menjadi risiko pemohon sendiri dan tidak ada sebarang kaitan pihak Majlis Bandaraya Kuantan.
2. Mendapatkan **permit meletak bahan binaan** sekiranya bahan-bahan diletakkan di atas jalan atau di mana-mana rizab awam. Perlu dipastikan kerja-kerja pembinaan serta perletakan bahan binaan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada lot-lot persekitaran dan tidak menghalang laluan awam.
 - 2.1 Kadar-kadar adalah seperti berikut:-

(I) Permit Meletak Bahan-Bahan Di Atas Jalan Kawasan Perumahan (Kediaman)	- RM72.00 setahun
	- RM18.00 (1 meter persegi)
(II) Menjelaskan bayaran patil	- RM10.00
(III) Permit binaan sementara	- RM100.00
3. Semua sisa bahan-bahan hendaklah dilupuskan dengan sempurna di tapak pelupusan sampah MBK dan kawasan kerja pembinaan dibersihkan.
4. Pemilik bangunan juga diminta memasang binaan sementara seperti 'hoarding board' semasa kerja-kerja binaan sedang dijalankan bagi mengelakkan kacauganggu kepada jiran bersebelahan
5. Sebarang kerosakan pada jalan, longkang dan / atau mana-mana harta awam yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan bangunan ini hendaklah diperbaiki segera dengan sewajarnya.
6. Pastikan air limbahan disalurkan dengan sempurna serta mengambil langkah-langkah pencegahan serta pengawalan supaya kawasan kerja pembinaan bebas dari pembiakan nyamuk aedes.

7. Kelulusan yang dikeluarkan ini adalah terhad untuk kerja-kerja tambahan dan pindaan bagi maksud '**KEDIAMAN**' sahaja. Sebarang kegunaan atau aktiviti selain daripada yang dinyatakan adalah **tidak dibenarkan**.
8. Mengemukakan pelan konkrit tetulang serta butiran perkiraan yang disahkan oleh Jurutera Perunding. (sekiranya berkaitan).
9. Menirikan papan dendeng pelindung serta papan tanda keselamatan di kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja pembinaan. Kelengkapan ini hendaklah diselenggara dengan sewajarnya supaya ianya sentiasa di dalam keadaan sempurna pada setiap masa sehingga kerja-kerja pembinaan siap dilaksanakan.
10. Mengemukakan **Notis Mula / Siap kerja (PT:7)** pada peringkat permulaan dan apabila kerja-kerja pembinaan siap dilaksanakan untuk tujuan pemeriksaan bagi memastikan segala kerja-kerja pembinaan dilaksanakan selaras dengan syarat-syarat kelulusan pelan.
11. Pemohon atau pemunya diingatkan melantik kontraktor-kontraktor berdaftar bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan, perubahan dan tambahan kecil yang telah dibenarkan. Kegagalan untuk melantik kontraktor yang berdaftar akan mengakibatkan pelanggaran kepada akta 520-Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 iaitu:
 - (i) Sub-seksyen 25(1) Akta CIDB(AKTA 520) - adalah menjadi satu kesalahan kepada kontraktor yang tidak berdaftar di bawah Akta CIDB untuk melaksanakan kerja-kerja ubahsuai.
 - (ii) Sub-seksyen 25(1) Akta CIDB(AKTA 520) – CIDB boleh memberi notis untuk memberhentikan kerja-kerja ubahsuai sekiranya dilakukan oleh kontraktor yang tidak berdaftar
12. Memasang dan mempamirkan patil daripada mula kerja-kerja pembinaan sehingga kerja-kerja pembinaan siap dilaksanakan sepenuhnya.
13. Pihak MBK berhak untuk meminda atau menambah apa jua syarat yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada arahan dan keperluan semasa MBK.

Bahagian Bangunan
Jabatan Senibina
Majlis Bandaraya Kuantan